

UPM lahir usahawan pertanian cemerlang

Kuala Lumpur: Program Inkubasi Usahawantani yang dilaksanakan sejak 2012 oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencapai matlamat dalam melahirkan usahawan terutamanya dalam kalangan siswazah bidang pertanian.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof M Iqbal Saripan, berkata sehingga kini program itu sudah melahirkan 163 alumni program inkubasi yang berjaya menubuhkan 90 syarikat berteraskan keusahawanan pertanian ke arah membantu sektor pertanian negara.

"Pelaksanaan program yang dikendalikan Fakulti Pertanian UPM ini selari dengan strategi pembangunan usahawan UPM dan hasrat negara bagi

melahirkan lebih ramai usahawan muda bidang pertanian dalam kalangan siswazah," katanya pada majlis penutup Program Inkubasi Usahawantani 2018, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Shukor Juraimi.

Bekas graduan

Tahun ini, seramai 27 peserta mengambil bahagian dan sebanyak 10 syarikat berjaya ditubuhkan.

Sementara itu, Prof Shukor berkata, program itu dijalankan selama enam bulan

di kampus UPM dengan melatih bekas graduan dari seluruh negara untuk menjadi usahawan cemerlang dalam bidang pertanian.

"Kursus enam bulan ini merangkumi modul tana-

man (fertigasi), akuakultur, ternakan ayam kampung kacukan dan ternakan ruminan yang merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan tani.

"Berikutan kejayaannya, program ini diperluaskan ke UPM Kampus Bintulu," katanya.

Peserta modul akuakultur program inkubasi, Mohd Ihsan Jailan, berkata program itu memberikan pendedahan kepada beliau dalam bidang keusahawanan serta pengusahaan ternakan ikan air tawar.

"Saya merancang untuk menguruskan ladang berkonsepkan ekopelancongan di Pangsun, Hulu Langat bersama-sama rakan kongsi serta menjadikan ternakan ikan air tawar seperti ikan kelah dan ikan talapia seba-



Peserta Program Inkubasi Usahawantani 2018 bergambar kenangan sempena majlis penutup program berkenaan, baru-baru ini.

gai sumber ekonomi utama

ladang," katanya.

Peserta modul ternakan ayam kampung kacukan, Muhamad Qayyum Aznam Shah, pula berkata beliau memang meminati bidang

pertanian dan gemar untuk bekerja sendiri sekali gus mendorong beliau mengikuti program itu.

"Saya mengikuti modul ini kerana ayam kampung mempunyai permintaan

tinggi tetapi pengeluarannya masih lagi terhad. Saya bercadang mempertingkatkan lagi ilmu pengurusan ayam kampung pada masa akan datang melalui penyertaan program ini," katanya.